GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL JURNAL SERI ALAM BAGI PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

PENGENALAN

Seri Alam adalah jurnal terbitan Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Muzium Selangor dan jurnal ini akan diterbitkan sekali setahun. Sumbangan penulisan artikel Jurnal Seri Alam adalah terbuka dari penulis dari dalam atau luar PADAT dan boleh ditulis dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor sedia menerima sebarang makalah yang berkaitan sejarah, kesenian, kebudayaan, ekonomi, arkeologi, bahasa, pendidikan, ilmu kejadian dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan Alam Melayu khususnya yang ada kaitan dengan Negeri Selangor Darul Ehsan.

SYARAT PENERIMAAN

Manuskrip yang dihantar untuk diterbitkan dalam jurnal mestilah karya asli dan tidak pernah diterbitkan atau diterima untuk penerbitan oleh mana-mana jurnal lain. Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan asal (*hard copy)* dan salinan lembut *(softcopy*) format PDF. Manuskrip hendaklah ditaip dengan format *double spacing*, dalam *Times New Roman* dengan saiz 12. Biodata penulis yang tidak melebihi 100 - 200 perkataan mesti disertakan selepas bahagian rujukan. Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem pengarang tarikh (*author-date*) mengikut abjad. Artikel yang dihantar perlu disertakan dengan *cover page* yang mengandungi tajuk, nama penulis alamat surat menyurat beserta e-mail, nombor telefon dan nombor faks.

ABSTRAK

Abstrak adalah sinopsis artikel yang padat dan ringkas yang merangkumi aspek-aspek pemasalahan kajian objektif, kaedah dan dapatan serta kesimpulan. Abstrak tidak boleh melebihi 200 patah perkataan dan perlu ditulis menggunakan format Italic,

bersaiz 10 dan Justified. Setiap abstrak hendaklah diikuti sekurang-kurang 3 kata kunci (*Keywords*).

PENGHANTARAN ARTIKEL

Artikel boleh dihantar kepada:

Sidang Editor,
Jurnal Seri Alam,
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.